

# Teruja sertai majlis Bintang-Bintang Berpuisi

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 APRIL

**P**UISI bertajuk *Ke Makam Bonda* karya Datuk Usman Awang menjadi pilihan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek untuk dideklamasikan pada majlis Bintang-Bintang Berpuisi anjuran akhbar *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* pada 5 April ini.

Beliau yang ternyata teruja dengan jemputan sebagai antara pendeklamasi puisi pada majlis berkenaan berkata, penyertaannya itu merupakan kali pertama beliau dalam aktiviti seni sejak menceburi bidang politik.

Mengakui sedikit gementar untuk bersama-sama penggiat seni, ahli akademik dan budayawan lain dalam menjayakan acara bersejarah itu, Hasan memberitahu, beliau telah meluangkan masa melakukan persediaan dan latihan walaupun berdepan dengan kesibukan tugas.

Namun, kata Ahli Parlimen Kuala Pilah itu, beliau akan cuba melakukan yang terbaik demi memartabatkan seni puisi sebagai salah satu cara untuk menterjemahkan perasaan dan jiwa seseorang dalam melayari kehidupan masing-masing.

"Puisi *Ke Makam Bonda* yang telah dinukilkan Sasterawan Negara ini amat dekat di hati saya kerana ia menyentuh perasaan, emosi dan nilai-nilai kemanusiaan serta kekeluargaan yang terselit di setiap bait-bait puisi itu.

"Saya amat teruja untuk mendeklamasikan puisi ini walaupun bukan mudah untuk melakukan sedemikian di depan khalayak, namun ia merupakan salah satu cara untuk mengembangkan dunia sastera kerana kita tidak mahu karya puisi luput ditelan zaman," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Majlis Bintang-Bintang Berpuisi yang bakal berlangsung dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu tidak sekadar memberi peluang kepada artis-artis popular berkongsi perasaan seni mereka melalui puisi, tetapi turut akan dijayakan ahli politik, ahli akademik, budayawan dan ahli sukan.



HASAN MALEK



KHALID SALLEH



HATTAN



JOHAN AS'ARI



RITA RUDAINI



ANA RAFFALI

Selain Hasan, antara deklamator yang bakal menjayakan acara Bintang-Bintang Berpuisi bertempat di Perdana Canselor, UKM, Bangi pada Ahad ini ialah seniman Khalid Salleh; pelakon Rita Rudaini; Johan As'ari dan Yana Samsudin.

Selain itu, penyanyi hebat Datuk Hattan; pelakon Ezzaty Abdullah; Ana Raffali dan Ezad Lazim juga akan turut menyampaikan puisi masing-masing.

Penyair popular Terengganu, Awang Abdullah @ Pui Teong Gee pula akan muncul dengan puisi terbaharunya dalam acara yang akan berlangsung selama dua jam itu.

Tidak ketinggalan jaguh angkat berat negara, Mohd. Hafifi Mansor yang pernah menyumbang pingat emas pertama Malaysia pada Sukan Komanwel Glasgow dalam kategori kategori 69 kilogram juga akan mendeklamasikan puisi.

Sementara itu, dua tokoh akademik iaitu Timbalan Naib Canselor

Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM, Prof. Datin Noor Azizah Mohd. Awal dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa UKM, Prof. Datuk Dr. Riza Atiq pula akan mewakili UKM menyampaikan puisi.

Majlis Bintang-Bintang Berpuisi juga akan menampilkan Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas dan Pengarang Hiburan *Utusan Malaysia*, Tengku Khalidah Tengku Bidin.

Dalam pada itu, Hasan turut memuji usaha Kumpulan Utusan bersama UKM dalam memartabatkan seni puisi bukan sekadar menyampaikan hiburan semata-mata tetapi penerapan ilmu kepada masyarakat terutama golongan muda.

Acara Bintang-Bintang Berpuisi ini turut mendapat kerjasama daripada syarikat swasta, Hitachi - LG - Data Storage Inc. yang komited untuk menyokong acara kesusasteraan tanah air.

